

SEMINAR ULANG TAHUN KE-100 TOK JANGGUT

Pada 29 dan 30 Sept 2015

Di Kampus Kota, Pengkalan Chepa
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Anjuran Arkib Negara Malaysia

TOK JANGGUT WIRA EPIK MELAYU?

oleh

HARON DAUD

Abstrak

Haji Mat Hassan bin Munas yang lebih dikenali sebagai Tok Janggut, bukan seorang Penderhaka sebaliknya seorang Pejuang menentang Penjajah Inggeris. Kebangkitan Tok Janggut dapat dikata sebagai salah satu mata rantai kebangkitan ummah menentang perluasan kuasa kolonial Barat ke atas dunia Islam (Nik Anuar Nik Mahmud). Keberanian dan keperkasaan Tok Janggut menentang musuh demi agama, bangsa dan negaranya memungkinkan beliau diangkat sebagai wira epik. Istilah *epic* atau *epos* berasal dari bahasa Yunani yang pada mulanya merujuk pada hanya *kata*. Istilah *kata* ini dikembangkan penggunaannya dalam kalimat yang bermaksud *ungkapan kata* atau *perumpamaan* iaitu ucapan atau pernyataan yang terdiri dari rangkaian *kata* yang mengandungi makna tertentu. Seterusnya tercipta ayat yang merujuk pada makna *baris puisi*, *cerita* dan *nyanyian*. Dari kata-kata ini terlihat bahawa masyarakat Yunani sudah pun mula berpuisi atau mencipta susunan kata yang terpilih dan indah untuk seni kata dalam nyanyian berbentuk puisi. Pada abad ke-4 SM, Aristotle mendefinisikan *puisi epic* sebagai suatu ciptaan yang ditentukan sifatnya oleh satu tema yang anggun, mempunyai kesatuan yang organik dengan perkembangan aksi yang tersusun. Kamus *Webster* menjelaskan bahawa sebuah epik selalunya mempunyai suatu watak utama dan gagasan-gagasan serta kejayaan watak utama inilah yang berperanan sebagai benang penghubung dalam pengisahannya. Sehubungan itu sesebuah epik boleh membawa judul berdasarkan nama watak yang menjadi wira dalam sesuatu karya seperti *Odyssey* dan *Aeneid* (Siti Hawa Salleh). Dalam pada itu jenis, unsur dan ciri-ciri epik telah diperkatakan oleh ramai sarjana barat termasuk Holman, Fowler, Cuddon dan Kratz, dan sarjana tempatan seperti Kassim Ahmad, Abu Hasan Sham, Siti Hawa Salleh dan Hassan Ahmad. Dari apa yang mereka perikatakan saya mengambil pendirian bahawa epik adalah sebuah cerita kepahlawanan yang mengetengahkan seorang wirabangsa. Hampir setiap bangsa besar di dunia mempunyai karya epik sendiri. Sebagai contoh bangsa Anglo-Saxon (Inggeris) epiknya berjudul *Beowulf*, Sepanyol ada *Cid*, Finland terdapat epik *Kalevala*, Perancis dengan epik *Song of Roland* dan epik *Nibelungenlied* bagi bangsa Jerman. Di sebelah timur terdapat *Iskandar Zulkarnain* dan *Muhammad Hanafiah* bagi Arab Parsi, dan *Ramayana* bagi bangsa Aryan/ India. Ketiga-tiga karya epik terakhir itu turut tersebar dalam masyarakat Melayu. Berikutan dari tersebarnya pengaruh

Hindu ke sini lahirnya *Hikayat Seri Rama* yang juga dikenali sebagai *Maharaja Wana*. Kedatangan Islam pula memperkenalkan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Hikayat-hikayat itu walaupun sudah ‘di-Melayukan’ dengan penyesuaian watak setempat dan sebagainya, namun orang Melayu belum merasakan ketulenan Melayu itu sehingga pengarang yang benar-benar berjiwa Melayu melahirkan *Hikayat Hang Tuah*. Melalui hikayat itu orang Melayu mengenali dan meletakkan Hang Tuah sebagai wira epik mereka. Ini bermakna kemunculan Hang Tuah sebagai wira epik adalah secara “jelmaan,” bukan semula jadi. Walaupun Hang Tuah dalam hikayat itu dikatakan tidak mati, namun kisahnya berakhir di sekitar kedatangan Belanda di Melaka sahaja. Dalam hal ini saya cuba meneruskan “kewiraan” Melayu melalui watak Tok Janggut sebagai wira epik menentang penjajah Inggeris. Pembinaan atau pembikinan Tok Janggut sebagai wira epik adalah menggunakan model pembinaan Hang Tuah sebagai epik Melayu, dengan memenuhi lima ciri asas iaitu wira merupakan seorang tokoh yang luar biasa; watak yang ramai; latar tempat yang luas latar masa yang lama, wira epik menjadi kebanggaan bangsanya dan penulisan yang objektif.

TOK JANGGUT WIRA EPIK MELAYU?

oleh
HARON DAUD

PEMBENTANGAN

1. Latarbelakang Tok Janggut

Pengkaji Tok Janggut dari sudut sejarah, anantara yang terkenal termasuklah Nik Anuar Nik Mahmud (Prof. Dato') dan Abdullah Zakaria (Prof. Dato'). Mereka bukan sahaja menulis latar belakang tokoh itu, malah sejarahnya secara jelas. Dalam konteks sastera iaitu karya kreatif, penulisan tentang Tok Janggut digubah oleh S.Othman Kelantan dalam novel *Perwira* (1980), Penceritaan difokuskan kepada watak Awang Teleng iaitu pembantu Tok Janggut. Manakala cerita khusus mengenai watak Tok Janggut ditulis oleh Abdul Latip Talib dalam novelnya berjudul *Tok Janggut Pahlawan Kelantan* (2010).

Abdul Latip, sebelum memulakan cerita Tok Janggut, telah menggarapkan latar belakang Tok Janggut dan sejarahnya antara lain memperkenalkan riwayat tokoh itu. Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan bin Munas atau Panglima Munas, lahir di Kampung Saring, daerah Jeram, Kelantan pada tahun 1850. Sebagai anak seorang Panglima raja, Tok Janggut dibesarkan di istana. Apabila dewasa Tok Janggut dihantar menuntut di Mekah dan pulang ke tanah air pada 1910 ketika berumur 60 tahun.

Dalam tahun 1907 pihak Inggeris memulakan rundingan dengan Siam untuk kedudukan negeri Melayu Utara dan Timur. Pada 10 Mac 1909 terbentuklah Perjanjian Bangkok antara Inggeris dengan Siam tanpa melibatkan Raja-Raja Melayu. Hasil Perjanjian itu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diletak di bawah kuasa Inggeris. Manakala Pattani, Bangnara, Jalor dan Sentol di bawah kuasa Siam. Campur tangan Inggeris bukan sahaja membawa perubahan dari segi politik, malah juda dari sedi adat istiadat dan Perundangan Islam. Sedangkan sebelum kedatangan Inggeris, Kelantan diperintah oleh Sultan Mansor yang bergelar Sultan Muhammad III, seorang Raja yang warak dan menegakkan Undang-Undang Islam, melaksanakan hukum hudud ke atas pencuri dan qisas ke atas pe bin Syedmbunuh. Baginda mendampingi ulamak terkenal termasuklah Haji Abdul Malik Sungai Pinang, Tok Ku Syed Hakim atau Syed Muhammad bin Syed Alwi, Imam Haji Nik Daud, Imam Haji Abdullah, Imam Haji Mahmud Tuan Padang, Haji Muhammad Ta', Haji Ismail Langgar, Haji Daud Kampung Manuang, Haji Taib anak Tuan Padang dan Haji Nik Abdul Rahman Dakwat.

Setahun selepas termeterainya Perjanjin Bangkok, Sir John Anderson, Gabenor bagi Negeri-Negeri Selat, tiba diKota Bharu dan memaksa Long Senik sebagai Yang Di-Pertua Negeri Kelantan memperakui hak naungan British ke atas Kelantan. Perakuan it membolehkan seorang Penisat Inggeris dihantar ke Kelantan untuk menesihati pentadbiran negeri kecuali hal agama Islam dan adat istiadat Melayu, namun pihak British boleh campur tangan dalam

urusan negeri sekiranya kerajaan Kelantan gagal mewujudkan keamanan dalam negeri. Sebagai gangajaran di atas perakuan itu, Long Senik diiktiraf sebagai Sultan Kelantan bergelar Sultan Muhammad IV, dengan elaun sebanyak \$2,000.00 sebulan dan pencen \$4,800.00 setahun. Baginda kemudiannya dianugerahkan kebesaran K.C.M.G. oleh kerajaan British. Pembesar-pembesar negeri telah ditambah elaun dan pencen mereka.

Perkembangan politik di negeri-negeri Melayu mendapat perhatian serius dalam kalangan ulama Melayu di Mekah. Ketika Kedah dan Pattani diserang dan ditakluk Siam, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani sendiri telah turut berjihad menentang Siam yang dianggapnya sebagai kafir harbi. Dalam pada itu di Turki berlaku peperangan pada Ogos 1914 apabila tentera British menyerang Turki yang diperintah oleh Sultan Mohamed V, Khalifah Turki Uthamaniah. Beliau adalah khalifah bagi umat Islam dan penaung bagi Tanah Suci Mekah dan Madinah. Serangan British itu ada kaitan dengan dasar perluasan kuasa dan imperlisme Barat ke atas negara di Asia dan Afrika dengan motif menguasai ekonomi dan keagamaan. Sebelum itu, Persidangan gereja-gereja Kristian yang berlangsung di Kaherah pada tahun 1909 telah memutuskan bahawa agama Islam merupakan agama yang berbahaya dan perlu dibendung. Persidangan itu juga memutuskan bahawa negara Islam perlu dijajah dan umatnya perlu di-Kristiankan. Serangan British ke atas Turki telah mendorong shaykh-al-Islam Khayri Effendi mengeluarkan fatwa jihad-i-ekbar sebagai fardu ain ke atas British dan sekutunya pada 14 November 1914.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan bersama fatwa tersebut, Shaykh-al-Islam mendakwa bahawa kuasa-kuasa Eropah yang diketuai British berusaha untuk meruntuhkan kerajaan Islam Turki Uthamaniah dan menakluk negara-negara Islam lain. Dalam hal itu kerajaan Turki Uthamaniah bertekad untuk mempertahankan wilayah dan meruuh umat Islam di seluruh dunia daripada ancaman kuasa kufur serta sekutu mereka sejajar dengan tuntutan agama. Pendirian Turki itu telah menibulkan perasaan anti British dalam kalangan orang Islam termasuk orang Melayu di Tanah Melayu. Ini membimbangkan pihak Inggeris di Tanah Melayu sehingga pada 21 Nonember 1914 mengeluarkan enakmen melarang akhbar-akhbar tempatan daripada menyiarkan berita mengenai peperangan antara British dengan Turki Uthmaniah. Malah Gabenor Arthur Young menafikan bahawa persengketaan antara British dengan Turki adalah melibatkan hal agama.

Di Kelantan, Penasihat British bernama Langham-Carter telah mengadap Sultan Muhammad IV untuk memaklumkan peperangan British dengan Turki, serta mendesak Baginda supaya mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan Kelantan menyebelahi dan memihak kepada kerajaan England di dalam peperangan itu, sebagai bukti kesetiaan baginda kepada mahkota British. Malah Langham-Carter sendiri mengarahkan pejabatnya mengeluarkan arahan untuk melarang penduduk negeri Kelantan daripada menyokong atau menunjukkan simpati terhadap kerajaan Turki Uthamaniah. Mana-mana rakyat yang didapati mengingkari arahan itu akan dihukum.

Tindakan Sultan Kelantan memihak kepada British dalam peperangan Inggeris dengan Turki Uthmaniah tidak dapat membendung perasaan anti British dalam kalangan tertentu rakyat Kelantan. Tambahan pula di Singapura telah tercetus kekacauan pada 15 Februari 1915, di mana anskar India Muslim daripada Light Infantry V, di bawah bimbingan Haji Nur Alam Syah, imam masjid Kampung Jawa, bangkit memberontak sebagai menyahut seruan jihad kerajaan Turki Uthmaniah. Pendirian Sultan Muhammad IV amat mengecewakan Tok Janggut. Pada pandangan Tok Janggut, tindakan Sultan Kelantan adalah bertentangan dengan fatwa Shakh-al-Islam yang mewajibkan umat Islam berjihad menentang British yang kufur. Tambahan pula Tok Janggut masih teringat akan pesanan gurunya, Syeikh Ahmad, bahawa menentang kafir harbi termasuk British dan Siam, adalah satu jihad. Penentangan Tok Janggut juga ada kaitan dengan dasar Inggeris dalam pentadbiran negeri serta jajahan Kelantan termasuk persempadanan tanah dan percukaian.

2. Pengertian sejarah

Secara Etimologi, kata sejarah berasal dari bahasa Arab yakni *sajaratun (syajarah)* yang bererti “silsilah” atau “pohon.” Ramai penulis mengakui bahawa istilah sejarah berasal dari bahasa Yunani yakni *historia* sedangkan dalam bahasa Inggris dikenal dengan nama *history* yang bererti “yang terjadi.” Secara umum, pengertian Sejarah merupakan ilmu pengetahuan yang membahas tentang segala peristiwa yang telah terjadi pada masa lampau dalam kehidupan

manusia. Dalam erti luas, Pengertian Sejarah merupakan ilmu yang mempelajari kejadian atau peristiwa pada masa lampau dalam kehidupan manusia melalui bukti tertulis misalnya kitab/dokumen kuno dan lisan misalnya tradisi turun temurun dan mitos, bukti berupa benda-benda misalnya artefak dan prasasti serta monumen sejarah. Selain itu, Pengertian Sejarah juga membahas tentang peristiwa dan waktu. Dengan demikian, masalah waktu berperan penting dalam memahami sesuatu peristiwa, maka para sejarawan biasanya mengatasi masalah waktu dengan membuat sebuah periodisasi.

3. Pengertian Epik dan Ciri-Ciri Wira Epik

Istilah *epic* atau *epos* berasal daripada bahasa Yunani mulamulanya hanya merujuk pada *kata*. Istilah *kata* ini dikembangkan penggunaannya dalam kalimat yang bermaksud *ungkapan kata* atau *perumpamaan* -iaitu ucapan atau pernyataan yang terdiri dari rangkaian *kata-kata* yang mengandungi makna tertentu. Seterusnya tercipta ayat yang merujuk pada makna *baris puisi*, *cerita* dan *nyanyian*. Daripada kata-kata ini terlihat bahawa masyarakat Yunani sudah pun mula berpuisi atau mencipta susunan kata-kata yang terpilih dan indah untuk seni kata dalam nyanyian dalam bentuk puisi.

Pada abad ke-4 Sebelum Masihi, Aristotle mendefinisikan *puisi epic* sebagai suatu ciptaan yang ditentukan sifatnya oleh satu tema yang anggun, mempunyai kesatuan yang organik dengan perkembangan aksi yang tersusun. Kamus *Webster* menjelaskan bahawa sebuah epik selalunya mempunyai suatu watak utama dan gagasan-gagasan serta kejayaan watak utama inilah yang berperanan sebagai benang penghubung dalam pengisahannya.

Para sarjana kesusasteraan klasik (Barat) berpegang kepada berbagai-bagai pendapat tentang epik. Satu kumpulan berpegang kepada kepercayaan bahawa epik terdiri daripada cantuman beberapa kisah atau peristiwa yang berasingan. Peristiwa-peristiwa ini diatitkan dalam susunan berurutan bila pengarang mencipta epiknya.

Kumpulan sarjana kesusasteraan yang kedua pula menganggapkan bahawa bahan-bahan yang membina sebuah epik mungkin telah terkumpul dalam cara begini tetapi puisi epik sendiri adalah hasil ciptaan seorang *genius* yang memberikannya struktur dan bentuk pernyataan. Dengan demikian, epik yang tidak jelas siapa pengarang atau penyairnya dan lebih merupakan ciptaan masyarakat bersama, disebut sebagai *epik rakyat (folk epic)*, tidak kira sama ada sarjana yang mengkajinya berpegang kepada teori kepengarangan rakyat (iaitu epik adalah hasil ciptaan seluruh masyarakat secara bersama) ataupun kepada teori kepengarangan tunggal (iaitu epik adalah hasil ciptaan pengarang perseorangan).

Seterusnya, Holman menyatakan bahawa epik terdiri daripada dua kelompok yang dinamai *epik rakyat* dan *epik seni* dan sama-sama berkongsi beberapa perwatakan yang sama, seperti:

Pertama, Wira ialah suatu tokoh yang mempunyai rupa bentuk yang agam; ia mempunyai perawakan yang tinggi, besar dan gagah. Wira juga berperanan penting dari sudut kebangsaan dan antarabangsa, sejarah dan legenda.

Kedua, Cerita mempunyai latar tempat yang amat luas, meliputi negara-negara yang besar, seluruh dunia mahupun seluruh alam semesta iaitu bumi dan kayangan.

Ketiga, Aksi wira terdiri daripada jasa atau perkhidmatan penuh keberanian atau yang memerlukan kehandalan manusia luar biasa (*superhuman*).

Keempat, Makhluk-makhluk *supernatural* seperti para dewa, malaikat dan hantu syaitan semuanya mengikuti segala aksi wira dan ikut campur tangan dari semasa ke semasa.

Kelima, Terdapat penggunaan pengekalan gaya yang diperindah dan pemudahan yang diperbesarkan, dan

Keenam, Pujangga epik menceritakan kisah jasa-jasa wira dengan penuh objektiviti.

4.Hikayat Tok Janggut sebuah karya Epik

- i. Latar masa yang lama
- ii. Watak yang ramai
- iii. Wira yang perkasa
- iv. Tokoh yang menjadi kebanggan bangsanya
- v. Penulisan yang objektif

CIRI-CIRI KARYA EPIK

Ciri Karya Epik	Hikayat Hang Tuah	Hikayat Tok Janggut	Catatan
Latar masa yang lama tempat yang luas	Masanya bermula sejak Melaka beluk dibuka hingga Melaka ditawan Belanda Tahun 1641 Tempat: Bukit Siguntang Bintan Melaka Majapahit Benua Keling China Mekah Turki Rum	Bermula munculnya Kelantan (Cik Siti Wan Kembang) hingga Penjajahan Inggeris Tempat Kedah (Raja Besiung) Kelantan (Kota Jembal) Pahang Melaka Mekah Aceh Turki China (Cheng Ho)	
Watak yang ramai	Kira-kira 165 watak Hang Tuah Sang Maniaka Paduka Raja Pateh Kerma Wijaya Ratu Majapahit Pateh Gajah Mada Taming Sari Aria Putera Sang Persata Nala Sang Jaya Nantaka Maharaja China	Watak yang ramai Tok Janggut Ungku Besar Jeram Khatib Abu Bakar Che Sohak, Penghulu Adam Berahim Teleng Haji Said Tok Deris Tok Nibeng Datong Sultan Muhammad IV Encik Latif J.W.W.Birch Colonel Brownlow Langham A.G. Maxwell Tok Kenali	
Wira yang perkasa	>Memunyai ilmu kependekaran >Hebat dalam pertarungan >memiliki senjata sakti/ benda ajaib >tidak pernah tewas	(teliti semula tentang keperkasaannya) <ul style="list-style-type: none"> • Ilmu pendekar, ilmu agama • Kehebatan dalam pertarungan • Pemilikan 	

		<p>senjata ajaib/benda sakti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak mati di tangan tentera British 	
Tokoh yang menjadi kebanggan bangsanya	Orang Melayu di Tanah Melayu dan Nusantara bangga dengan Hang Tuah	(Cuba cari penerimaan masyarakat terhadapnya dan bina kepercayaan itu)	
Penulisan yang objektif	Penulis tidak berat sebelah khususnya dalam melukiskan peristiwa pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat	Ditulis secara objektif seolah-olah pengarang tidak memihak kepada mana-mana golongan sehingga menunjukkan Hikayat Tok Janggut itu sebagai sebenarnya berlaku	

5. Tok Janggut Seorang Wira Epik

6. Ciri-ciri Wira Epik

- i) Lahir dari golongan rakyat
- ii) Berjuang kerana kebenaran
- iii) Perkasa dan Keperwiraan
- iv) Mempunyai kuasa sakti
- v) Menjadi kebanggaan bangsanya

Ciri Wira Epik	Hang Tuah	Tok Janggut	catatan
Lahir dari golongan rakyat	Ayahnya Hang Mahmud dan ibunya, Dang Merdu, berasal dari Sungai Duyung,	Tok Janggut bernama Haji Mat Hassan, anak kepada Panglima Munas, pahlawan istana Tengku Seri Maharaja Jeram, Pasir Puteh	
Berjuang kerana kebenaran dan Luar Biasa (wakil bangsa, kerajaan, negara bangsa Melayu)			
Taat setia kepada bangsa, raja, negara (jujur, amanah, berilmu, bersopan santun, baik budi pekerti dan tutur kata)			
Perkasa dan Keperwiraan mempunyai kuasa sakti (pandai bermain senjata, berani mempertahankan diri dan negara, Mempunyai kuasa sakti)			
Menjadi kebanggaan bangsanya	Melayu Nusantara	Melayu Kelantan/ Malaysia	

Bahan Bacaan

Abdul Latip Talib, 2010. *Tok Janggut Pahlawan Kelantan* (novel). Batu Caves: PTS Litera.

Haron Daud, 1983. *Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haron Daud, 2014. "Karya-Karya Penoda Hikayat Hang Tuah: Satu Pembicaraan." dalam Haron Daud dan Abdul Rahman Hj Ismail, (peny.) *Hang Tuah Wira Bangsa*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Hassan Ahmad, 2014. "Hang Tuah Sebagai Wira Budaya Melayu." dalam Haron Daud dan Abdul Rahman Hj Ismail, (peny.) *Hang Tuah Wira Bangsa*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Ibrahim Syukri, 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Che Daud (Peny.), 2001. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Edisi ketiga. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Nik Anuar Nik Mahmud, (peny.) 1999. *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noriah Taslim, 1986. *Asas-Asas Pembinaan Epik: Satu Pendekatan Berdasarkan Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Amir Hamzah*. Edisi Awal. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Noriah Taslim, 1994. "Genre Epik: Antara Kesukuan dan Kesejagatan," dlm *Dewan Sastera*. September (67-71)

P.Lal, 1995. *Ramayana* (terj.) Bandung (?): Pustaka Jaya.

S. Othman Kelantan, 1980. *Perwira* (novel). Pulau Pinang: Teks Publishing

Siti Hawa Salleh, 2014 "Hikayat Hang Tuah: Epik Kebangsaan Kebanggaan Melayu," dalam Haron Daud dan Abdul Rahman Hj Ismail, (peny.) *Hang Tuah Wira Bangsa*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Sulastin Sutrisno, 1983. *Hikayat Hang Tuan Analisa Struktur dan Fungsi*. Jogjakarta: Gadjah Mada University Press.

Tan Ta Sen, 2010. *Cheng Ho Penyebar Islam dari China ke Nusantara*. Jakarta: Kompas.

Teuku Iskandar, 1995. *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Shah Alam: Melindo Press.